JUZU' KE-29
SURAH
AL-QIAMAH

SURAH KE

75

SURAH AL-QIAMAH

Surah Qiamat

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

40

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

لَآ أُقْسِمُ بِيَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ ﴿١﴾

وَلَآ أُقْسِمُ بِٱلنَّفْسِ ٱللَّوَّامَةِ ﴿٢﴾

أَيَحْسَبُ ٱلْإِنسَٰنُ أَلَّن نَّجْمَعَ عِظَامَهُۥ ﴿٣﴾

بَلَىٰ قَٰدِرِينَ عَلَىٰٓ أَن نُّسَوِّىَ بَنَانَهُۥ ﴿٤﴾

بَلْ يُرِيدُ ٱلْإِنسَٰنُ لِيَفْجُرَ أَمَامَهُۥ ﴿٥﴾

يَسْـَٔلُ أَيَّانَ يَوْمُ ٱلْقِيَٰمَةِ ﴿٦﴾ فَإِذَا بَرِقَ ٱلْبَصَرُ ﴿٧﴾

وَخَسَفَ ٱلْقَمَرُ ﴿٨﴾ وَجُمِعَ ٱلشَّمْسُ وَٱلْقَمَرُ ﴿٩﴾

يَقُولُ ٱلْإِنسَٰنُ يَوْمَئِذٍ أَيْنَ ٱلْمَفَرُّ ﴿١٠﴾

كَلَّا لَا وَزَرَ ﴿١١﴾ إِلَىٰ رَبِّكَ يَوْمَئِذٍ ٱلْمُسْتَقَرُّ ﴿١٢﴾

يُنَبَّؤُا۟ ٱلْإِنسَٰنُ يَوْمَئِذٍۭ بِمَا قَدَّمَ وَأَخَّرَ ﴿١٣﴾

بَلِ ٱلْإِنسَٰنُ عَلَىٰ نَفْسِهِۦ بَصِيرَةٌ ﴿١٤﴾

وَلَوْ أَلْقَىٰ مَعَاذِيرَهُۥ ﴿١٥﴾

لَا تُحَرِّكْ بِهِۦ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِۦٓ ﴿١٦﴾

إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُۥ وَقُرْءَانَهُۥ ﴿١٧﴾

فَإِذَا قَرَأْنَٰهُ فَٱتَّبِعْ قُرْءَانَهُۥ ﴿١٨﴾

ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُۥ ﴿١٩﴾

كَلَّا بَلْ تُحِبُّونَ ٱلْعَاجِلَةَ ﴿٢٠﴾

"Sesungguhnya Aku tidak usah bersumpah dengan Hari Qiamat(1). Dan sesungguhnya Aku tidak usah bersumpah dengan jiwa lawwamah (yang mencela diri sendiri)(2). Adakah manusia fikir bahawa Kami tidak akan berkuasa mengumpulkan kembali tulang-temalangnya?(3). Malah Kami berkuasa untuk menyusunkan jari jemarinya dengan sempurna(4). Tetapi manusia ingin membuat maksiat terus-menerus di masa depannya(5). Ia bertanya: Bilakah Hari Qiamat?(6). Apabila mata terbelalak (ketakutan)(7). Dan apabila bulan telah padam cahayanya(8). Dan apabila matahari dan bulan dikumpulkan(9). Pada hari itu, barulah manusia bertanya: Di mana tempat lari?(10).Tidak sekali-kali begitu, sebenarnya tiada lagi tempat perlindungan(11). Pada hari itu, hanya kepada Tuhanmu sahaja tempat kembali(12). Pada hari itu, manusia akan diberitahu segala perbuatan yang telah dilakukannya dan segala kesan yang ditinggalkan oleh perbuatannya itu(13). Malah manusia amat 'arif terhadap dirinya sendiri (14). Walaupun ia mengemukakan berbagai-bagai alasannya(15). (Wahai Muhammad!) Janganlah, engkau menggerak-gerakkan lidahmu membaca Al-Qur'an kerana hendak menguasainya dengan cepat(16). Sesungguhnya tugas Kami ialah mengumpulkannya (wahyu) dan membacakannya(17). Oleh itu, apabila Kami selesai membacanya, maka ikutilah bacaannya(18). Kemudian tugas Kami juga memberi penjelasannya(19). Tidak sekali-kali begitu, bahkan kamu sebenarnya cintakan kehidupan dunia."(20).

وَتَذَرُونَ ٱلْـَٔاخِرَةَ ﴿٢١﴾ وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّاضِرَةٌ ﴿٢٢﴾

إِلَىٰ رَبِّهَا نَاظِرَةٌ ﴿٢٣﴾ وَوُجُوهٌ يَوْمَئِذٍۭ بَاسِرَةٌ ﴿٢٤﴾

تَظُنُّ أَن يُفْعَلَ بِهَا فَاقِرَةٌ ﴿٢٥﴾

كَلَّآ إِذَا بَلَغَتِ ٱلتَّرَاقِىَ ﴿٢٦﴾ وَقِيلَ مَنْ ۜ رَاقٍ ﴿٢٧﴾

وَظَنَّ أَنَّهُ ٱلْفِرَاقُ ﴿٢٨﴾ وَٱلْتَفَّتِ ٱلسَّاقُ بِٱلسَّاقِ ﴿٢٩﴾

إِلَىٰ رَبِّكَ يَوْمَئِذٍ ٱلْمَسَاقُ ﴿٣٠﴾

فَلَا صَدَّقَ وَلَا صَلَّىٰ ﴿٣١﴾ وَلَٰكِن كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ﴿٣٢﴾

ثُمَّ ذَهَبَ إِلَىٰٓ أَهْلِهِۦ يَتَمَطَّىٰٓ ﴿٣٣﴾

أَوْلَىٰ لَكَ فَأَوْلَىٰ ﴿٣٤﴾ ثُمَّ أَوْلَىٰ لَكَ فَأَوْلَىٰٓ ﴿٣٥﴾

أَيَحْسَبُ ٱلْإِنسَٰنُ أَن يُتْرَكَ سُدًى ﴿٣٦﴾

أَلَمْ يَكُ نُطْفَةً مِّن مَّنِىٍّ يُمْنَىٰ ﴿٣٧﴾

ثُمَّ كَانَ عَلَقَةً فَخَلَقَ فَسَوَّىٰ ﴿٣٨﴾

فَجَعَلَ مِنْهُ ٱلزَّوْجَيْنِ ٱلذَّكَرَ وَٱلْأُنثَىٰٓ ﴿٣٩﴾

أَلَيْسَ ذَٰلِكَ بِقَٰدِرٍ عَلَىٰٓ أَن يُحْـِۧىَ ٱلْمَوْتَىٰ ﴿٤٠﴾

"Dan kamu tinggalkan kehidupan Akhirat(21). Pada hari itu, wajah-wajah (Mu'min) berseri-seri(22). Memandang kepada Tuhannya(23). Dan pada hari itu, wajah-wajah (kafir) muram suram(24). Mereka menduga akan ditimpakan malapetaka yang memecahkan tulang belakang mereka(25). Tidak sekali-kali begitu, apabila nyawa sampai ke pangkal dada(26). Lalu ditanya: Siapakah yang dapat menyembuhkannya?(27). Dan dia yakin itulah sa'at perpisahan-nya(28). Lalu berpautlah betis (kanan) dengan betis (kirinya)(29). Pada hari itu,(seluruh manusia)dibawa kepada Tuhanmu(30). Dia (si kafir itu) tidak membenarkan Al-Qur'an dan tidak pula mendirikan solat(31). Tetapi dia mendustakan-nya dan berpaling darinya(32). Kemudian dia pergi kepada keluarganya berjalan dengan lagak yang sombong(33). Awaslah engkau, awaslah engkau(34). Kemudian awaslah engkau, awaslah engkau(35). Adakah manusia fikir bahawa dia akan ditinggalkan sia-sia?(36). Bukankah dahulunya dia hanya setitis nutfah dari air mani yang dipancutkannya?(37). Kemudian nutfah itu menjadi segumpal darah lalu Allah ciptakan rupanya dan menjadikannya makhluk yang sempurna (38). Dan Allah jadikan darinya sepasang lelaki dan perempuan(39). Tidakkah Tuhan yang sedemikian sifatnya berkuasa untuk menghidupkan kembali manusia yang mati?!"(40).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah yang pendek ini mengumpulkan berbagai-bagai hakikat, pernyataan-pernyataan yang berkesan, gambaran-gambaran, pemandangan-pemandangan, nada-nada dan sentuhan-sentuhan yang tidak terdaya dihadapi dan dihindari oleh hati manusia. Semuanya dikumpulkan dengan satu kekuatan dan dengan satu uslub yang tertentu yang membuat surah ini mempunyai satu ciri yang istimewa sama ada dari segi uslub, pengungkapan atau dari segi uslub bunyi, di mana kedua-dua uslub ini berpadu melahirkan sebuah nada yang kuat yang sukar dihadapi dan dihindari darinya.

Di dalam dua ayat yang surah ini dimulai dengan nada kenyataan mengenai Qiamat dan nada kenyataan mengenai jiwa manusia:

لَآ أُقْسِمُ بِيَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ ﴿١﴾

وَلَآ أُقْسِمُ بِٱلنَّفْسِ ٱللَّوَّامَةِ ﴿٢﴾

"Sesungguhnya Aku tidak usah bersumpah dengan Hari Qiamat (1). Dan sesungguhnya Aku tidak usah bersumpah dengan jiwa lawwamah (yang mencela diri sendiri)."(2)

Hakikat Maut Yang Dihadapi Oleh Semua Yang Hidup

Kemudian ia terus memperkatakan hakikat-hakikat yang ada kaitan dengan jiwa manusia dan dengan Hari Qiamat dari permulaan sehingga akhirnya. Ia mencampurkan di antara hakikat jiwa dengan hakikat Qiamat seolah-olah permulaan surah ini menunjukkan kepada maudhu' surah, atau seolah-olah permulaan surah ini merupakan nada asasi, di mana seluruh nada yang lain dikembalikan kepadanya dengan satu cara yang amat halus dan indah.

Di antara hakikat-hakikat yang besar yang dikumpulkan oleh surah ini dalam menghadapi hati manusia dan mengenakannya dengan satu kepungan yang ketat yang tidak dapat dihindari olehnya itu ialah hakikat maut yang kejam, yang amat ditakuti oleh setiap yang hidup. Tiada siapa yang berkuasa menolak maut yang berlaku pada setiap detik itu. Ia dihadapi semua orang, orang-orang dewasa dan kanak-kanak, orang-orang kaya dan miskin, orang-orang gagah dan lemah. Mereka semuanya sama sahaja di depan maut. Tiada berguna sebarang helah dan ikhtiar, tiada berguna sebarang kekuatan dan pertolongan dan tiada kesempatan untuk tempoh-menempoh. Semuanya itu menunjukkan bahawa maut itu datang dari pihak yang tertinggi yang tidak mampu ditolak dan dihindarkan manusia. Nada ayat ini amat menyentuh hati ketika ia berkata:

كَلَّآ إِذَا بَلَغَتِ ٱلتَّرَاقِىَ ﴿٢٦﴾ وَقِيلَ مَنْ ۜ رَاقٍ ﴿٢٧﴾

وَظَنَّ أَنَّهُ ٱلْفِرَاقُ ﴿٢٨﴾ وَٱلْتَفَّتِ ٱلسَّاقُ بِٱلسَّاقِ ﴿٢٩﴾

إِلَىٰ رَبِّكَ يَوْمَئِذٍ ٱلْمَسَاقُ ﴿٣٠﴾

"Tidak sekali-kali begitu, apabila nyawa sampai ke pangkal dada(26). Lalu ditanya: Siapakah yang dapat menyembuhkannya?(27). Dan dia yakin itulah sa'at perpisahannya(28). Lalu berpautlah betis (kanan) dengan betis (kirinya)(29). Pada hari itu,(seluruh manusia) dibawa kepada Tuhanmu."(30)

Hakikat Kuasa Yang Mengatur Penciptaan Manusia Dan Mengatur Kebangkitan Semulanya

Di antara hakikat-hakikat yang besar yang dibicarakan oleh surah ini lagi ialah hakikat asal-usul kejadian manusia dan bagaimana hakikat ini membuktikan kebenaran cerita kebangkitan semula manusia, juga membuktikan adanya perencanaan dan tadbir Allah dalam penciptaan manusia. Ia adalah satu hakikat yang didedahkan Allah kepada manusia untuk menunjukkan betapa halusnya susunan peringkat-

peringkat perkembangan dan tertib-tertib kejadian manusia yang diciptakan dengan begitu indah dan unik yang tiada siapa berkuasa melakukannya selain Allah dan tiada siapa dari kalangan mereka yang tidak percaya kepada Hari Akhirat mampu mendakwa mempunyai kuasa untuk mengatur kejadian manusia. Hakikat itu menjadi bukti yang amat jelas dan kuat bahawa di sana ada Tuhan Yang Maha Esa yang mentadbir dan merencanakan urusan penciptaan manusia, di samping menjadi bukti yang jelas dan tidak dapat ditolak bahawa urusan kebangkitan semula manusia itu merupakan satu perkara yang mudah kepada Allah.

Hakikat asal-usul kejadian manusia ini juga menyarankan dengan kuat betapa perlunya kebangkitan semula manusia itu kerana ia sejajar dengan perencanaan dan tadbir Allah yang tidak akan membiarkan manusia sia-sia dan cuma-cuma. Allah tidak akan meninggalkan kehidupan manusia dan amalan-amalannya tanpa dinilai dan dihisab. Inilah pernyataan ayat-ayat berikut yang mencuit hati yang dimulakan dengan pertanyaan:

أَيَحْسَبُ ٱلْإِنسَٰنُ أَن يُتْرَكَ سُدًى ﴿٣٦﴾
أَلَمْ يَكُ نُطْفَةً مِّن مَّنِىٍّ يُمْنَىٰ ﴿٣٧﴾
ثُمَّ كَانَ عَلَقَةً فَخَلَقَ فَسَوَّىٰ ﴿٣٨﴾
فَجَعَلَ مِنْهُ ٱلزَّوْجَيْنِ ٱلذَّكَرَ وَٱلْأُنثَىٰٓ ﴿٣٩﴾
أَلَيْسَ ذَٰلِكَ بِقَٰدِرٍ عَلَىٰٓ أَن يُحْۦِىَ ٱلْمَوْتَىٰ ﴿٤٠﴾

"Adakah manusia fikir bahawa dia akan ditinggalkan sia-sia?(36). Bukankah dahulunya dia hanya setitis nutfah dari air mani yang dipancutkannya?(37). Kemudian nutfah itu menjadi segumpal darah lalu Allah ciptakan rupanya dan menjadikannya makhluk yang sempurna (38). Dan Allah jadikan darinya sepasang lelaki dan perempuan(39). Tidakkah Tuhan yang sedemikian sifatnya berkuasa untuk menghidupkan kembali manusia yang mati?"(40)

Pemandangan Revolusi Alam

Di antara pemandangan-pemandangan yang amat berkesan yang ditayang dan digunakan oleh surah ini untuk bersemuka dengan hati manusia dengan hujah yang kuat ialah pemandangan Hari Qiamat dengan peristiwa-peristiwa revolusi alam buana, kekacauan-kekacauan jiwa manusia dan kebingungan mereka menghadapi peristiwa-peristiwa malapetaka yang dapat dilihat dengan jelas di alam buana dan di dalam lubuk hati manusia yang ketakutan di mana mereka berlari ke sana ke mari laksana tikus di dalam perangkap. Pemandangan ini merupakan jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan manusia yang meragui dan memperkecil-kecilkan Hari Qiamat, manusia yang ingin meneruskan kerja-kerja maksiat mereka. Jawapan itu dilakukan dengan nada-nada yang cepat, pemandangan-pemandangan yang pantas dan kelip-kelip cahaya yang sekilas:

بَلْ يُرِيدُ ٱلْإِنسَٰنُ لِيَفْجُرَ أَمَامَهُۥ ﴿٥﴾
يَسْـَٔلُ أَيَّانَ يَوْمُ ٱلْقِيَٰمَةِ ﴿٦﴾ فَإِذَا بَرِقَ ٱلْبَصَرُ ﴿٧﴾
وَخَسَفَ ٱلْقَمَرُ ﴿٨﴾ وَجُمِعَ ٱلشَّمْسُ وَٱلْقَمَرُ ﴿٩﴾
يَقُولُ ٱلْإِنسَٰنُ يَوْمَئِذٍ أَيْنَ ٱلْمَفَرُّ ﴿١٠﴾

"Tetapi manusia ingin membuat maksiat terus-menerus di masa depannya(5). Ia bertanya: Bilakah Hari Qiamat? (6). Apabila mata terbelalak (ketakutan)(7). Dan apabila bulan telah padam cahayanya(8). Dan apabila matahari dan bulan dikumpulkan(9). Pada hari itu, barulah manusia bertanya: Di mana tempat lari?"(10)

كَلَّا لَا وَزَرَ ﴿١١﴾ إِلَىٰ رَبِّكَ يَوْمَئِذٍ ٱلْمُسْتَقَرُّ ﴿١٢﴾
يُنَبَّؤُا۟ ٱلْإِنسَٰنُ يَوْمَئِذٍۭ بِمَا قَدَّمَ وَأَخَّرَ ﴿١٣﴾
بَلِ ٱلْإِنسَٰنُ عَلَىٰ نَفْسِهِۦ بَصِيرَةٌ ﴿١٤﴾
وَلَوْ أَلْقَىٰ مَعَاذِيرَهُۥ ﴿١٥﴾

"Tidak sekali-kali begitu, sebenarnya tiada lagi tempat perlindungan(11). Pada hari itu, hanya kepada Tuhanmu sahaja tempat kembali(12). Pada hari itu, manusia akan diberitahu segala perbuatan yang telah dilakukannya dan segala kesan yang ditinggalkan oleh perbuatannya itu(13). Malah manusia amat 'arif terhadap dirinya sendiri (14). Walaupun ia mengemukakan berbagai-bagai alasannya."(15)

Pemandangan Wajah-wajah Yang Berseri Dan Muram

Di antara pemandangan-pemandangan itu lagi ialah pemandangan orang-orang Mu'min yang yakin kepada Tuhan mereka dan bercita-cita mendapat ni'mat memandang wajah-Nya Yang Maha Mulia di dalam situasi yang gawat itu, dan pemandangan orang-orang kafir yang putus hubungan dengan Allah dan menduga akan menerima balasan terhadap kekafiran, maksiat dan pendustaan mereka. Pemandangan itu ditayangkan begitu kuat dan begitu hidup seolah-olah terjelma di depan kita semasa membaca ayat-ayat itu. Ia ditayangkan sebagai jawapan kepada manusia yang cintakan kehidupan dunia dan mengabaikan kehidupan Akhirat:

كَلَّا بَلْ تُحِبُّونَ ٱلْعَاجِلَةَ ﴿٢٠﴾ وَتَذَرُونَ ٱلْـَٔاخِرَةَ ﴿٢١﴾
وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّاضِرَةٌ ﴿٢٢﴾ إِلَىٰ رَبِّهَا نَاظِرَةٌ ﴿٢٣﴾

وَوُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ بَاسِرَةٌ ﴿٢٤﴾

تَظُنُّ أَن يُفْعَلَ بِهَا فَاقِرَةٌ ﴿٢٥﴾

"Tidak sekali-kali begitu, bahkan kamu sebenarnya cintakan kehidupan dunia(20). Dan kamu tinggalkan kehidupan Akhirat(21). Pada hari itu, wajah-wajah (Mu'min) berseri-seri(22). Memandang kepada Tuhannya(23). Dan pada hari itu, wajah-wajah (kafir) muram suram(24). Mereka menduga akan ditimpakan malapetaka yang memecahkan tulang belakang mereka."(25)

Arahan Kepada Rasulullah Ketika Menerima Wahyu

Di celah-celah hakikat-hakikat dan pemandangan-pemandangan itu terdapat empat ayat selingan yang mengandungi arahan dan panduan khusus kepada Rasulullah s.a.w. mengenai cara menerima wahyu Al-Qur'an yang diturunkan kepadanya, kerana beliau takut terlupa sesuatu yang diwahyukan kepadanya, dan untuk mengelakkan kelupaan itu beliau mengingatkan wahyu itu serangkap demi serangkap semasa menerimanya dan menggerak-gerakkan lidahnya untuk mempastikan bahawa beliau benar-benar telah menghafalnya. Arahan dan bimbingan itu berbunyi:

لَا تُحَرِّكْ بِهِۦ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِۦٓ ﴿١٦﴾

إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُۥ وَقُرْءَانَهُۥ ﴿١٧﴾

فَإِذَا قَرَأْنَٰهُ فَٱتَّبِعْ قُرْءَانَهُۥ ﴿١٨﴾

ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُۥ ﴿١٩﴾

"(Wahai Muhammad!) Janganlah, engkau menggerak-gerakkan lidahmu membaca Al-Qur'an kerana hendak menguasainya dengan cepat(16). Sesungguhnya tugas Kami ialah mengumpulkannya (wahyu) dan membacakannya(17). Oleh itu, apabila Kami selesai membacanya, maka ikutilah bacaannya(18). Kemudian tugas Kami juga memberi penjelasannya."(19)

Tujuan arahan ini untuk mententeramkan beliau bahawa urusan penyampaian Al-Qur'an dan pengumpulannya dalam ingatan beliau dan penjelasan maksud-maksudnya adalah urusan Allah, sedangkan peranan beliau hanya menerima dan menyampai. Oleh itu, hendaklah beliau bertenang dan menerima wahyu itu dengan sempurna dan beliau akan dapati bahawa semua wahyu yang diturunkan kepadanya akan terlukis teguh di dalam hatinya. Beginilah yang telah berlaku.

Ayat-ayat bimbingan ini terus dirakamkan pada tempatnya di sini sebaik sahaja ia diturunkan... kerana bukankah bimbingan ini dari kalam Allah? Bukankah kalam Allah tetap tercatat mengenai apa sahaja tujuan, dan perintah yang dikehendaki Allah? Inilah kalimat-kalimat kalam Allah yang dirakamkan di dalam dada kitab suci sama seperti kalimat-kalimat kalam Allah yang lain di dalam kitab suci ini. Ayat-ayat bimbingan ini yang dirakamkan pada tempatnya itu adalah memberi makna yang amat mendalam yang menyarankan satu hakikat yang halus mengenai setiap kalimat Kalamullah yang memperkatakan sesuatu jurusan, dan mengenai Al-Qur'an yang mengandungi segala Kalamullah yang diwahyukan kepada Rasulullah s.a.w., maka segala kalimat Kalamullah itu tidak terpotong darinya walau sehuruf pun dan tidak pula terluput dari ingatannya walau satu kalimat pun. Itulah ciri-ciri Al-Qur'an yang benar, betul, waspada dan terhormat.

* * * * * *

Demikianlah hati seseorang akan merasa ketika membaca surah ini bahawa dia dikepung dan tidak mungkin melarikan dirinya dari Allah kerana asal-usul kejadiannya dan peringkat-peringkat perkembangan kejadiannya adalah dirancangankan dengan ilmu Allah dan pentadbiran-Nya, sama ada dalam kehidupan dunia atau kehidupan Akhirat, sedangkan ia masih terus lalai, berhibur, berseronok dan berjalan dengan lagak-lagak yang angkuh:

فَلَا صَدَّقَ وَلَا صَلَّىٰ ﴿٣١﴾ وَلَٰكِن كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ﴿٣٢﴾

ثُمَّ ذَهَبَ إِلَىٰٓ أَهْلِهِۦ يَتَمَطَّىٰٓ ﴿٣٣﴾

"Dia(si kafir itu)tidak membenarkan Al-Qur'an dan tidak pula mendirikan solat(31). Tetapi dia mendustakannya dan berpaling darinya(32). Kemudian dia pergi kepada keluarganya berjalan dengan lagak yang sombong."(33)

Ketika menghadapi hakikat-hakikat dan pemandangan-pemandangan itu, terdengar pula suara ancaman yang halus:

أَوْلَىٰ لَكَ فَأَوْلَىٰ ﴿٣٤﴾ ثُمَّ أَوْلَىٰ لَكَ فَأَوْلَىٰٓ ﴿٣٥﴾

"Awaslah engkau, awaslah engkau(34). Kemudian awaslah engkau, awaslah engkau."(35)

Demikianlah surah ini berusaha mengubati kedegilan hati manusia, keingkarannya dan keinginannya yang suka bersuka-suka dan berhibur itu. Ia menyedarkannya memandang serius kepada persoalan Qiamat dan persoalan jiwa manusia itu, juga persoalan hidup yang dikira dengan hisab yang amat halus dan Al-Qur'an yang tidak terpotong sehuruf pun darinya kerana Al-Qur'an adalah kalam Allah Yang Maha Agung, di mana seluruh pelusuk alam bergema dengan kalimat-kalimat-Nya dan kalimat-kalimat itu tetap tercatat di dalam rekod alam buana yang tetap dan di dalam dada kitab suci yang mulia ini.

* * * * * *

Kami telah bentangkan hakikat-hakikat dan pemandangan-pemandangan di dalam surah ini secara berasingan semata-mata kerana tujuan penjelasan, sedangkan hakikat-hakikat dan pemandangan-pemandangan itu di dalam susunan

penerangan surah tidak diterangkan begitu, malah kedua-duanya diterangkan secara beriringan dan berdamping-dampingan di sana sini. Sekali ia menyentuh hati dengan satu sudut hakikat ini, dan sejurus kemudian ia kembali menyentuh hakikat itu dari sudut yang lain. Semuanya merupakan ciri-ciri uslub Al-Qur'an ketika berbicara dengan hati manusia, iaitu satu uslub yang tidak boleh ditandingi oleh mana-mana uslub yang lain.

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 15)

Sekarang marilah kita hadapi surah ini mengikut susunannya:

لَآ أُقۡسِمُ بِيَوۡمِ ٱلۡقِيَٰمَةِ ١

وَلَآ أُقۡسِمُ بِٱلنَّفۡسِ ٱللَّوَّامَةِ ٢

"Sesungguhnya Aku tidak usah bersumpah dengan Hari Qiamat(1). Dan sesungguhnya Aku tidak usah bersumpah dengan jiwa lawwamah (yang mencela diri sendiri)."(2)

Ungkapan **"Tidak usah bersumpah"** itu lebih mendalam kesannya dari bersumpah secara langsung, dan kesan inilah yang dimaksudkan dari ungkapan itu. Dengan uslub yang istimewa ini ia dapat memberi penyampaian yang sempurna. Dan uslub ini digunakan berulang-ulang kali di berbagai-bagai tempat dalam Al-Qur'an dan di sebaliknya lahirlah dengan jelas hakikat Qiamat dan hakikat jiwa lawwamah.

Hakikat Jiwa Lawwamah (لوامة)

Hakikat Qiamat akan dijelaskan pada tempat-tempat mengenainya dalam surah ini, sedangkan hakikat jiwa lawwamah itu mempunyai beberapa pentafsiran dan pendapat. Menurut al-Hasan al-Basri: "Demi Allah, engkau tidak melihat seorang Muslim melainkan dia sentiasa, mencela dan mengkritikkan dirinya sendiri: Mengapa aku berkata begitu? Mengapa aku makan ini? Mengapa aku bercita-cita begini? Tetapi sebaliknya seseorang yang berdosa itu akan meneruskan maksiatnya tanpa mencela dan mengkritikkan dirinya."

Menurut al-Hasan lagi: "Tiada seorang pun dari penghuni langit dan bumi melainkan akan mencelakan dirinya pada Hari Qiamat."

Menurut 'Ikrimah: "Al-nafsul-lawwamah (النفس اللوامة) itu ialah jiwa yang sentiasa mengkritik dan menegur dirinya sama ada dalam perkara-perkara yang baik atau perkara-perkara yang jahat: Alangkah bagusnya jika engkau berbuat begitu atau begini! Begitulah juga pendapat Sa'id ibn Jubayr. Pendapat Ibn 'Abbas.

Menurut Mujahid pula: "Al-nafsul-lawwamah itu ialah jiwa yang menyesali dan mencela dirinya di atas mana-mana kebajikan yang terluput."

Menurut Qatadah: "Ialah jiwa yang berdosa."

Ujar Ibn Jarir: "Semua pendapat ini membawa pengertian yang hampir sama, dan yang lebih sesuai dengan pengertian zahir ayat itu ialah jiwa yang mencela dan mengkritik dirinya sendiri sama ada dalam perkara-perkara kebaikan atau kejahatan dan menyesali di atas mana-mana kebajikan yang terluput."

Kami memilih pendapat al-Hasan al-Basri: "Demi Allah, engkau tidak melihat seorang Muslim melainkan dia sentiasa mencela dan mengkritikkan dirinya sendiri." Mengapa aku berkata begitu? Mengapa aku makan ini? Mengapa aku bercita-cita begini? Tetapi sebaliknya seseorang yang berdosa itu akan meneruskan maksiatnya tanpa mencela dan mengkritikkan dirinya."

Oleh sebab itu jiwa pencela dan pengkritik itu sentiasa waspada, hati-hati dan takut-takut. Ia sentiasa memeriksa dirinya dan mengenalpastikan segala keinginan hatinya dan takut menipu diri sendiri. Itulah jiwa yang mulia di sisi Allah hingga disebutkannya bersama Qiamat, kemudian jiwa pencela ini adalah lawan kepada jiwa, yang berdosa yang ingin terus menerus melakukankan maksiat dan terus berdegil dan menolak Al-Qur'an dan berpaling dari iman, dan terus sombong tanpa memeriksa dan mengkritikkan diri sendiri dan tanpa menghiraukan sesuatu apa pun.

لَآ أُقۡسِمُ بِيَوۡمِ ٱلۡقِيَٰمَةِ ١

وَلَآ أُقۡسِمُ بِٱلنَّفۡسِ ٱللَّوَّامَةِ ٢

"Sesungguhnya Aku tidak usah bersumpah dengan Hari Qiamat(1). Dan sesungguhnya Aku tidak usah bersumpah dengan jiwa lawwamah (yang mencela diri sendiri)."(2)

Maksudnya, Allah tidak payah bersumpah begitu untuk membuktikan bahawa Qiamat itu tetap akan berlaku. Oleh sebab itu Allah tidak bersumpah dan tidak pula menyebut objek sumpah itu, malah objek sumpahnya itu dizahirkan dalam bentuk yang lain seolah-olah memulakan satu pembicaraan baru selepas mengingatkannya dengan muqaddimah yang membangkitkan kesedaran ini:

أَيَحۡسَبُ ٱلۡإِنسَٰنُ أَلَّن نَّجۡمَعَ عِظَامَهُۥ ٣

"Adakah manusia fikir bahawa Kami tidak akan berkuasa mengumpulkan kembali tulang-temalangnya."(3)

Yang menjadi masalah kesedaran kepada kaum Musyrikin ialah kesulitan mereka untuk memikirkan kemungkinan tulang-tulang yang telah hancur reput di dalam tanah itu dapat dikumpulkan kembali untuk menghidupkan semula manusia yang telah mati. Mungkin masalah ini masih menjadi masalah kepada setengah-setengah manusia sehingga hari ini. Sangkaan ini telah disangkalkan oleh Al-Qur'an:

بَلَىٰ قَٰدِرِينَ عَلَىٰٓ أَن نُّسَوِّيَ بَنَانَهُۥ ٤

"Malah Kami berkuasa untuk menyusunkan jari jemarinya dengan sempurna."(4)

Ayat ini menjelaskan bahawa tulang-temalang yang reput dan hancur itu bukan sahaja akan dikumpul dan dicantumkan kembali malah segala jari-jemarinya akan disusun semula seperti asalnya. Proses penyusunan semula jari-jari itu merupakan proses pembentukan semula seseorang manusia dengan sehalus-halus dan serapi-rapinya. Penyusunan semula itu dilakukan dengan sempurna. Tiada satu ruas jari dan tiada satu anggota dan bentuk rupanya akan kehilangan atau dipasang di tempat yang salah, segalanya akan diciptakan kembali dengan sempurna walaupun sekecil mana anggota itu.

Tulang-tulang Yang Hancur Dan Reput Tidak Menjadi Masalah Kepada Qudrat Allah

Di sini cukuplah dengan penjelasan yang tegas sekadar ini, dan pada akhir surah ini akan dikemukakan lagi satu bukti yang lain mengenai asal-usul kejadian manusia. Tujuan dari penegasan ini ialah untuk mendedahkan penyakit jiwa yang membuat manusia tidak memikir dan menduga bahawa tulang-temalang mereka akan dikumpulkan kembali. Penyakit itu ialah kerana mereka ingin meneruskan kejahatan dan maksiat mereka dan kerana mereka tidak ingin diganggu gugat dari kejahatan-kejahatan mereka. Mereka tidak mahu adanya hisab dan balasan, oleh sebab itulah mereka tidak mempercayai kebangkitan semula dan kedatangan Hari Qiamat:

"Tetapi manusia ingin membuat maksiat terus-menerus di masa depannya(5). Ia bertanya: Bilakah Hari Qiamat?"(6)

Akhirat Pengawal Nafsu Kejahatan

Pertanyaan dengan menggunakan kata-kata أَيَّانَ (Bilakah) yang bernada panjang itu menyarankan betapa jauhnya bagi mereka kemungkinan berlakunya Hari Qiamat itu. Ini sesuai dengan keinginan mereka untuk terus melakukan kejahatan dan maksiat tanpa diganggu dan dihalang oleh bayang-bayang kebangkitan semula atau bayang-bayang Akhirat. Sebenarnya Akhirat itulah pengawal nafsu kejahatan dan penghalang hati yang ingin melakukan maksiat, sedangkan manusia mahu menghapuskan pengawal dan penghalang ini supaya dia bebas melakukan kejahatan dan maksiat tanpa memperhitungkan Hari Hisab.

Justeru inilah Allah menjawab sendaan mereka terhadap Hari Qiamat ini dengan jawapan yang segera, cepat, pantas dan tegas, tidak berlengah-lengah dan berlambat-lambat hingga ternyata pada susunan-susunan kata dan bunyi kata-kata. Jawapan ini menggambarkan satu pemandangan Qiamat yang disertai oleh semua pancaindera, perasaan-perasaan manusia dan pemandangan-pemandangan alam buana:

فَإِذَا بَرِقَ ٱلۡبَصَرُ ﴿٧﴾ وَخَسَفَ ٱلۡقَمَرُ ﴿٨﴾

وَجُمِعَ ٱلشَّمۡسُ وَٱلۡقَمَرُ ﴿٩﴾

يَقُولُ ٱلۡإِنسَٰنُ يَوۡمَئِذٍ أَيۡنَ ٱلۡمَفَرُّ ﴿١٠﴾

"Apabila mata terbelalak (ketakutan)(7). Dan apabila bulan telah padam cahayanya(8). Dan apabila matahari dan bulan dikumpulkan(9). Pada hari itu barulah manusia bertanya: Di mana tempat lari?"(10)

Apabila Qiamat Bermula, Manusia Tertanya-tanya Di Mana Tempat Selamat

Mata membelalak laksana disambar petir, bulan dihapuskan cahayanya, matahari berganding dengan bulan setelah berpisah selama ini. Sistem peredaran matahari dan bulan yang biasa itu telah menjadi kacau-bilau akibat kekacauan yang berlaku pada sistem alam buana. Di tengah-tengah ketakutan dan revolusi alam yang mengerikan inilah manusia tertanya-tanya **"di mana tempat lari?"** Dan pertanyaan itu membayangkan seolah-olah manusia ketika itu melihat ke segenap sudut dan arah, tiba-tiba dia dapati segala jalan di hadapannya tertutup. Dia benar-benar terkepung tiada lagi jalan untuk mencari perlindungan dan keselamatan, tiada tempat lagi untuk melarikan diri dari 'azab Allah, dari kuatkuasa-Nya dan dari kembali dan berlindung di sisi Allah. Tiada tempat yang lain lagi untuk berlindung:

كَلَّا لَا وَزَرَ ﴿١١﴾ إِلَىٰ رَبِّكَ يَوۡمَئِذٍ ٱلۡمُسۡتَقَرُّ ﴿١٢﴾

"Tidak sekali-kali begitu, sebenarnya tiada lagi tempat perlindungan(11). Pada hari itu, hanya kepada Tuhanmu sahaja tempat kembali."(12)

Setiap Manusia Bertanggungjawab Di Atas Segala Kesan-kesan Yang Ditinggalkan Oleh Perbuatannya

Keinginan manusia untuk terus melakukan maksiat dan kejahatan tanpa hisab dan balasan itu tidak akan berlaku lagi pada hari itu, bahkan pada hari itu segala perbuatan yang telah dilakukan mereka akan dihisab dan akan diperingatkan Allah apabila dia lupa, dan seterusnya akan menerima balasan yang wajar selepas ia mengingati kejahatannya dan melihat laporan amalannya terbentang di hadapannya:

يُنَبَّؤُاْ ٱلۡإِنسَٰنُ يَوۡمَئِذِۭ بِمَا قَدَّمَ وَأَخَّرَ ﴿١٣﴾

"Pada hari itu, manusia akan diberitahu segala perbuatan yang telah dilakukannya dan segala kesan yang ditinggalkan oleh perbuatannya itu."(13)

Manusia akan diberitahu segala amalan yang telah dilakukannya sebelum ia mati termasuk kesan-kesan dari amalan dan perbuatannya sama ada baik atau buruk. Kesan-kesan dari segala amalan dan perbuatan yang dilakukan oleh seseorang akan ditokok tambah kepada kumpulan amalannya dalam kiraan terakhir.

Biarpun bagaimana manusia mengemukakan alasan dan dalihan untuk membenarkan perbuatan-perbuatan mereka yang salah, namun alasan dan dalihan itu tidak akan diterima, kerana mereka telah dipertanggungjawabkan terhadap diri mereka sendiri. Merekalah yang berkewajipan memimpin diri mereka kepada kebaikan. Dan andainya diri mereka terjerumus ke dalam kejahatan, maka merekalah yang memikul tanggungjawabnya dan perbuatan itu akan menjadi bukti kesalahannya:

بَلِ ٱلْإِنسَٰنُ عَلَىٰ نَفْسِهِۦ بَصِيرَةٌ ﴿١٤﴾

وَلَوْ أَلْقَىٰ مَعَاذِيرَهُۥ ﴿١٥﴾

"Malah manusia amat 'arif terhadap dirinya sendiri (14). Walaupun ia mengemukakan berbagai-bagai alasannya."(15)

Di sini dapatlah diperhatikan bahawa segala sesuatu diterangkan dengan pantas dan ringkas, dengan susunan kata yang pendek, dengan ceraian-ceraian kata yang ringkas, dengan nada-nada kata yang cepat dan dengan pemandangan yang sekilas hingga proses hisab juga diterangkan begitu ringkas:

يُنَبَّؤُا۟ ٱلْإِنسَٰنُ يَوْمَئِذٍۭ بِمَا قَدَّمَ وَأَخَّرَ ﴿١٣﴾

"Pada hari itu, manusia akan diberitahu segala perbuatan yang telah dilakukannya dan segala kesan yang ditinggalkan oleh perbuatannya itu."(13)

Segala-galanya ringkas dan pantas seolah-olah memberi jawapan kepada manusia yang merasakan Qiamat itu amat jauh dan memperkecil-kecilkan Hari Hisab.

(Pentafsiran ayat-ayat 16 - 19)

Setiap Kalimat Al-Qur'an Yang Diwahyukan Kepada Rasulullah Tidak Akan Terluput Dari Ingatannya

Kemudian datang pula empat ayat memberi arahan kepada Rasulullah s.a.w. mengenai al-Qur'an yang diwahyukan kepadanya dan bagaimana peraturan menerimanya:

لَا تُحَرِّكْ بِهِۦ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِۦٓ ﴿١٦﴾

إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُۥ وَقُرْءَانَهُۥ ﴿١٧﴾

فَإِذَا قَرَأْنَٰهُ فَٱتَّبِعْ قُرْءَانَهُۥ ﴿١٨﴾ ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُۥ ﴿١٩﴾

"(Wahai Muhammad!) Janganlah engkau menggerak-gerakkan lidahmu membaca Al-Qur'an, kerana hendak menguasainya dengan cepat(16). Sesungguhnya tugas Kami ialah mengumpulkannya (wahyu) dan membacakannya(17). Oleh itu, apabila Kami selesai membacanya, maka ikutilah bacaannya(18). Kemudian tugas Kami juga memberi penjelasannya."(19)

Sebagai tambahan kepada huraian yang telah kami kemukakan muqaddimah, surah ini mengenai ayat-ayat ini, di sini kami jelaskan bahawa ayat-ayat ini menyarankan jaminan Allah yang mutlak terhadap keutuhan Al-Qur'an dalam segala aspek sama ada dalam aspek penyampaian dan ingatan atau dari aspek pengumpulan dan penjelasan. Segala-galanya terserah kepada Allah. Tugas Rasulullah s.a.w. hanya menanggung Al-Qur'an dan menyampaikannya.

Ayat-ayat ini juga menjelaskan bagaimana gelisah, resah dan tidak sabarnya beliau untuk mengingati wahyu-wahyu yang disampaikan kepada beliau. Beliau memberi sepenuh perhatiannya kepada wahyu itu dan beliau amat bimbang terlupa mana-mana ayat atau kalimat dari wahyu itu. Inilah yang mendorong beliau mengikuti bacaan Jibril a.s. ayat demi ayat dan kalimat demi kalimat agar beliau benar-benar pasti tiada suatu pun yang terluput, dan benar-benar pasti bahawa beliau telah mengingati semuanya.

Rakaman peristiwa ini di dalam Al-Qur'an yang dibacakan kepada beliau itu adalah panting untuk mendalamkan saranan-saranan yang kami telah sebutkan tadi di sini, juga di dalam muqaddimah surah yang khusus mengenai hal ini.

(Pentafsiran ayat-ayat 20 - 25)

Punca Kelalaian Manusia Ialah Cintakan Kehidupan Dunia

Kemudian Al-Qur'an terus menayangkan pemandangan-pemandangan Qiamat dan bagaimana keadaan jiwa lawwamah pada hari itu, lalu ia mengingatkan mereka dengan hakikat jiwa mereka yang begitu cinta dan sibuk dengan kehidupan dunia di samping, mengabai dan kurang memberi perhatian kepada Akhirat. Ia menunjukkan keadaan dan nasib kesudahan yang akan diterima mereka di Akhirat dalam satu pemandangan yang hidup, yang kuat saranannya dan mendalam kesannya:

كَلَّا بَلْ تُحِبُّونَ ٱلْعَاجِلَةَ ﴿٢٠﴾ وَتَذَرُونَ ٱلْءَاخِرَةَ ﴿٢١﴾

"Tidak sekali-kali begitu, bahkan kamu sebenarnya cintakan kehidupan dunia(20). Dan kamu tinggalkan kehidupan Akhirat."(21)

Yang mula-mula menarik perhatian dari segi keselarasan penerangan ayat ialah kehidupan dunia di sini dinamakan dengan (kehidupan yang cepat). Selain dari kata-kata ini menyarankan betapa pendek dan cepatnya berakhir kehidupan dunia ini, di sana juga terdapat keselarasan di antara bayangan kata-kata "*kehidupan yang cepat*" itu dan bayangan keadaan Rasulullah s.a.w. yang gopoh yang diterangkan dengan firman Allah Ta'ala kepada beliau:

لَا تُحَرِّكْ بِهِۦ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِۦٓ ﴿١٦﴾

"(Wahai Muhammad!) Janganlah engkau menggerak-gerakkan lidahmu membaca Al-Qur'an kerana hendak menguasainya dengan cepat."(16)

Penggerakan lidah dan kegopohan ini merupakan salah satu bayangan dari sifat manusia di dalam

kehidupan dunia. Ini adalah satu keselarasan yang indah dan halus yang diperhatikan oleh pengungkapan Al-Qur'an.

Kemudian marilah kita tumpu kepada situasi Akhirat yang dilukiskan oleh ayat Al-Qur'an yang unik ini:

"Pada hari itu, wajah-wajah (Mu'min) berseri-seri."(22)

Tiada Bandingan Di Antara Ni'mat Melihat Kejadian Ciptaan Allah Di Dunia Dengan Ni'mat Melihat Keindahan Zat Allah Di Akhirat

Ayat ini memberi isyarat sekilas kepada suatu situasi di Akhirat yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata dan tidak dapat ditanggapkan segala hakikatnya, iaitu situasi orang-orang Mu'min yang dijanjikan dengan ni'mat kebahagiaan memandang Allah yang mengatasi seluruh ni'mat yang lain, hingga ni'mat Syurga dan segala aneka keni'matan yang ada padanya menjadi kecil, dibandingkan dengan ni'mat kebahagiaan memandang wajah Allah.

Wajah-wajah itu berseri-seri kerana dapat meni'mati memandang Allah Tuhan mereka. Alangkah tinggi ni'mat itu dan alangkah luhurnya kebahagiaan itu!

Di dunia, jiwa manusia kadang-kadang merasa begitu ni'mat memandang keindahan ciptaan Ilahi pada kejadian-kejadian alam dan pada jiwa manusia seperti keindahan malam purnama raya, keindahan malam yang sunyi sepi, keindahan fajar menyingsing, keindahan bayang yang memanjang, keindahan lautan yang bergelombang, keindahan padang gurun yang sayup saujana, keindahan taman-taman yang permai, keindahan wajah yang comel, keindahan hati yang mulia, keindahan keimanan yang kukuh atau keindahan kesabaran yang tenang dan sebagainya dari keindahan-keindahan yang terdapat di alam buana ini. Ia merasa begitu riang, gembira dan bahagia meni'mati keindahan-keindahan itu. Ia terbang jauh ke alam-alam keindahan yang bebas, dan ketika itu lenyaplah darinya segala duri-duri hidup, segala kesakitan dan penderitaan, segala kehodohan, segala gangguan bumi, segala desakan keinginan darah dan daging dan segala pertarungan nafsu keinginan.

Jika beginilah keni'matan melihat keindahan ciptaan Allah di dunia, maka bagaimana pula keni'matan melihat keindahan zat Allah sendiri di Akhirat.

Tidakkah ini satu darjah penghormatan yang memerlukan pertolongan dari Allah dan pengukuhan diri dari Allah agar seseorang itu dapat mengawal dirinya dan berdiri dengan teguh dan agar ia dapat meni'mati kebahagiaan yang tidak terperi sifatnya dan tidak dapat difikirkan hakikatnya:

"Pada hari itu, wajah-wajah (Mu'min) berseri-seri(22). Memandang kepada Tuhannya."(23)

Mengapa pula tidak berseri-seri sedangkan mereka memandang keindahan wajah Tuhan mereka? Apabila seseorang melihat keindahan ciptaan Allah di bumi seperti keindahan mayang-mayang, keindahan kembang yang mekar, keindahan sayap-sayap yang mengepak, keindahan jiwa yang luhur dan perbuatan yang baik, maka perasaan bahagia yang membanjiri hatinya akan melimpah kepada wajahnya dan membuat wajahnya berseri-seri, jadi bagaimana pula nanti wajahnya akan berseri-seri jika mereka memandang keindahan Allah Yang Maha Sempurna dalam suasana yang bebas dari segala gangguan yang wujud di alam buana? Manusia tidak dapat mencapai darjah ini melainkan apabila ia bersih dari segala gangguan yang menghalanginya dari sampai kedarjah yang sukar dikhayalkan ini iaitu, bukan sahaja bersih dari gangguan-gangguan yang wujud di sekelilingnya, tetapi juga bersih dan gangguan-gangguan dan dalam dirinya sendiri dalam bentuk keinginan kepada sesuatu keni'matan yang lain dari keni'matan memandang Allah.

Bagaimana nanti manusia melihat Allah? Dan dengan anggota manakah dia melihat-Nya? Dan bagaimana cara dia melihat-Nya? Ini adalah satu persoalan yang tidak terlintas dalam hati Mu'min yang dibanjiri kesukaan yang dicetuskan oleh ayat ini di dalam hati yang Mu'min, juga rasa bahagia dan gembira menunggu sa'at gemilang dengan penuh harapan yang dilimpahkan oleh ayat ini ke atas jiwanya.

Mengapa ramai orang menafikan jiwa mereka dari meni'mati nur yang penuh kesukaan dan kebahagian itu dengan menyibukkan diri mereka berbahas dan berdebat di sekitar persoalan "Melihat Allah" yang mutlak, yang tidak dapat difahami oleh akal mereka yang terikat dengan pengertian-pengertian dan tanggapan-tanggapan 'aqliyah yang biasa?

Apabila diri manusia meningkat tinggi dan bebas dari ikatan-ikatan kehidupan dunia yang terbatas ini, maka itulah sahaja satu-satunya harapan bagi mereka menemui hakikat melihat Allah yang mutlak pada hari itu, dan sebelum tercapainya kebebasan itu amatlah sukar bagi mereka untuk mendapat gambaran bagaimana caranya pertemuan dengan Allah itu berlaku?

Kerana itu, sia-sia sahajalah perdebatan dan perbahasan yang berlarut-larut di antara golongan Muktazilah dan penentang-penentangnya yang terdiri dari ahli as-Sunnah dan ahli-ahli ilmul-Kalam di sekitar persoalan hakikat melihat Allah di hari Akhirat itu. Kerana mereka menggunakan ukuran-ukuran alam dunia dan memperkatakan tentang manusia yang terikat dengan tanggapan-tanggapan 'aqliyah di alam dunia dan memikirkan masalah melihat Allah dengan daya pemikiran yang terbatas.

Kata-kata Atau Istilah Dunia Yang Digunakan Al-Qur'an Untuk Menggambarkan Sesuatu Di Alam Akhirat Mempunyai Pengertian Yang Berbeza

Pengertian kata-kata itu sendiri terikat dengan apa yang dapat difaham oleh akal dan kefahaman-kefahaman kita yang terbatas. Oleh itu, apabila akal kita bebas dari kefahaman-kefahaman yang terbatas ini, maka tabi'at kata-kata itu mungkin akan berubah, kerana kata-kata itu hanya merupakan lambang yang berbeza-beza tujuannya mengikut kefahaman yang wujud di dalam daya pemikiran manusia. Apabila daya tenaga pemikiran itu berubah, maka kefahaman-kefahamannya juga turut berubah dan pengertian kata-kata itu juga ikut berubah. Dalam kehidupan dunia, kita berinteraksi dengan lambang-lambang ini mengikut keadaan kita. Oleh itu, apakah perlunya kita membahaskan sesuatu persoalan yang belum jelas kepada kita termasuk pengertian kata-kata itu sendiri?

Oleh itu, marilah kita menunggu dengan penuh harapan sa'at yang penuh limpah dengan kebahagiaan dan kesukaan yang suci yang tercetus dari kefahaman-kefahaman kita terhadap hakikat melihat Allah sekadar termampu oleh daya pemikiran kita. Marilah kita penuhkan jiwa kita dengan hasrat dan harapan mendapat ni'mat itu, kerana hasrat dan cita-cita itu sendiri merupakan satu ni'mat yang amat besar yang tiada ni'mat yang dapat mengatasinya melainkan ni'mat memandang wajah Allah Yang Maha Mulia.

Di Sebalik Wajah-wajah Muram

"Dan pada hari itu, wajah-wajah (kafir) muram suram (24). Mereka menduga akan ditimpakan malapetaka yang memecahkan tulang belakang mereka."(25)

Itulah wajah-wajah muram yang terhijab dari memandang Allah dengan sebab dosa-dosa, keruntuhan akhlak, ketebalan hati dan kepadaman nur dari hati mereka. Dosa-dosa itulah yang membuat mereka berdukacita, muram dan masam dan membuat mereka menduga dan ternanti-nanti akan ditimpa malapetaka yang dahsyat yang mematahkan tulang belakang mereka. Mereka menanti dengan perasaan resah, murung, bosan dan perasaan yang keruh.

Mereka telah mengabaikan Akhirat dan menyintai kehidupan dunia. Apabila tiba Hari Akhirat, mereka menerima nasib kesudahan yang amat jauh perbezaannya. Pada itu ada wajah-wajah yang berseri-berseri memandang kepada Tuhan mereka dan ada pula wajah-wajah yang suram muram menunggu kedatangan malapetaka yang dahsyat.

Itulah pemandangan-pemandangan Qiamat, di mana mata membelalak, bulan dipadamkan cahayanya, matahari dan bulan dikumpulkan, di mana manusia tertanya-tanya ke mana hendak lari? Sedangkan di sana tiada tempat untuk melarikan diri. Pada hari itu manusia menerima nasib yang berbeza-beza dan jauh pula perbezaannya, di sana kelihatan wajah-wajah yang berseri-seri kerana bahagia dapat melihat Allah dan muka-muka yang masam dan muram kerana menduga akan ditimpa malapetaka.

(Pentafsiran ayat-ayat 26 - 35)

Jika kekuatan pemandangan-pemandangan Qiamat dan kesannya di dalam hati di ambil dari kekuatan hakikat yang tersembunyi di dalam pemandangan-pemandangan itu sendiri, di samping diambil dari kekuatan penyampaian Al-Qur'an yang membuat pemandangan-pemandangan itu seolah-olah hidup, maka surah ini - selepas menayangkan pemandangan itu - menayangkan pula satu pemandangan yang lain dari jarak yang amat dekat seolah-olah terjelma di hadapan mata, iaitu pemandangan yang sentiasa wujud dan berlaku berulang-ulang kali. Pemandangan ini dihadapi oleh manusia pada setiap detik yang dilalui mereka di bumi ini, pemandangan ini menerjah mereka dengan kuat, jelas dan berat.

Apabila Maut Datang Tiada Siapa Yang Dapat Menghalang

Itulah pemandangan maut yang menjadi titik kesudahan bagi setiap yang hidup. Tiada yang hidup dapat mempertahankan dirinya dari maut dan tidak pula dapat mempertahankan maut dari orang lain. Maut yang memisahkan di antara kekasih-kekasih, maut yang terus berlalu tanpa berhenti dan tanpa berpaling, maut yang tidak menghiraukan jerit pekik orang yang susah, tidak memperdulikan hasrat dan harapan orang yang berpisah, tidak mengendahkan keinginan orang yang bercita-cita, dan ketakutan orang yang takut. Maut yang menumbangkan gergasi-gergasi semudah ia menumbangkan orang-orang kerdil. Maut yang menumpaskan orang-orang yang berkuasa sama seperti ia menumpaskan orang-orang yang lemah. Maut yang tidak dapat dihadapi manusia dengan tipu dayanya, tetapi walaupun itulah sifat-sifat maut, namun manusia tidak mahu memikirkan kuasa agung yang menjalankannya:

كَلَّآ إِذَا بَلَغَتِ ٱلتَّرَاقِيَ ﴿٢٦﴾ وَقِيلَ مَنْۜ رَاقٍ ﴿٢٧﴾

وَظَنَّ أَنَّهُ ٱلْفِرَاقُ ﴿٢٨﴾ وَٱلْتَفَّتِ ٱلسَّاقُ بِٱلسَّاقِ ﴿٢٩﴾

"Tidak sekali-kali begitu, apabila nyawa sampai ke pangkal dada(26). Lalu ditanya: Siapakah yang dapat menyembuhkannya?(27). Dan dia yakin itulah sa'at perpisahannya(28). Lalu berpautlah betis (kanan) dengan betis (kirinya)."(29)

Itulah pemandangan orang yang sedang menghadapi nazak maut yang digambarkan oleh Al-

Qur'an dengan begitu hidup seolah-olah terbentang di depan mata. **"Tidak sekali-kali begitu, apabila nyawa sampai ke pangkal dada,"** yakni apabila roh sudah sampai ke halkum, maka itulah nazak yang akhir. Itulah detik-detik kesengsaraan maut yang membingung dan membeliakkan mata. Sekalian yang hadir di sekelilingnya memandang satu sama lain mencari ikhtiar menyelamat roh yang menderita itu. **"Lalu ditanya: Siapakah yang boleh menyembuhkannya?"** Semoga ada jampi yang berguna untuk menyelamatkannya dari kesengsaraan dan nazak maut. **"Lalu berpautlah betis (kanan) dengan betis (kiri)",** tetapi segala ikhtiar itu sia-sia dan tidak berupaya untuk menahankan kedatangan maut. Hanya satu jalan sahaja yang kelihatan iaitu jalan penghabisan yang membawa setiap yang hidup kepada Tuhannya:

إِلَىٰ رَبِّكَ يَوْمَئِذٍ ٱلْمَسَاقُ ﴿٣٠﴾

"Pada hari itu, (seluruh manusia) dibawa kepada Tuhanmu."(30)

Gambaran maut itu begitu hidup seolah-olah bergerak dan bercakap. Setiap ayat melukiskan gerak-geri dan pemandangan yang membuat keadaan hampir mati itu terlukis begitu jelas dengan suasana-suasana cemas, bingung, terharu menghadapi hakikat yang kejam dan pahit yang tidak dapat ditolak dan dielakkan itu. Kemudian berlakulah penghabisan yang tidak dapat dihindari.

Kemudian tabir dilabuhkan menutup pemandangan yang menyedihkan itu. Gambarannya masih ternampak-nampak di mata, dan kesannya menjejak di dalam hati dan seluruh suasana diselubungi sepi yang mencemaskan.

Sesuai dengan pemandangan orang yang sedang menghadapi kesengsaraan nazak maut itu, ditayangkan pula pemandangan manusia-manusia yang lalai dan pendusta, mereka tidak bersedia dengan amalan dan keta'atan, malah mereka melakukan maksiat dan berpaling dari keimanan:

"Dia (si kafir itu) tidak membenarkan Al-Qur'an dan tidak pula mendirikan solat(31). Tetapi dia mendustakannya dan berpaling darinya(32). Kemudian dia pergi kepada keluarganya berjalan dengan lagak yang sombong."(33)

Kejahatan Abu Jahl Dan Tokoh-tokoh Setandingnya Dirakam Dalam Ayat-ayat Ini

Menurut riwayat, ayat-ayat ini ditujukan kepada seorang tokoh yang tertentu. Kata satu pendapat tokoh itu ialah Abu Jahl iaitu 'Amr ibn Hisyam. Dia kadang-kadang datang menemui Rasulullah s.a.w. mendengar Al-Qur'an kemudian pulang tanpa beriman dan tanpa mengerjakan keta'atan, tanpa beradab sopan dan takut kepada Allah, malah ia sentiasa menyakiti Rasulullah s.a.w. dengan kata-kata yang kesat dan menghalangi orang lain dari agama Allah. Kemudian dia berlalu dari situ dengan sombong dan penuh bangga terhadap kejahatan-kejahatan yang dilakukannya, seolah-olah dia tidak berbuat apa-apa kesalahan.

Ia telah digambarkan dengan gambaran yang sinis apabila Al-Qur'an memerikan gaya ia berjalan dengan lagak yang takbur dengan melonjak-lonjak dan memanjang-manjang belakangnya yang disampaikan oleh kata-kata "يتمطى".

Orang yang seperti Abu Jahl itu memang ramai terdapat dalam sejarah da'wah kepada Allah. Ia mendengar, tetapi menentang dan menghalang orang lain menerima da'wah Allah. Ia mengganggu dan menindas para penda'wah, ia melakukan berbagai-bagai tipu muslihat yang jahat, ia terus berpaling dari da'wah dan berbangga-bangga dengan tindak-tanduknya yang jahat, dengan gerakan yang dilakukannya di bumi dengan tindakan-tindakannya yang menghalangkan manusia dari jalan Allah dan dengan angkara-angkaranya terhadap agama dan 'aqidah Allah.

Kemudian Al-Qur'an menghadapi tokoh yang bongkak dan jahat itu dengan ancaman dan amaran:

أَوْلَىٰ لَكَ فَأَوْلَىٰ ﴿٣٤﴾ ثُمَّ أَوْلَىٰ لَكَ فَأَوْلَىٰٓ ﴿٣٥﴾

"Awaslah engkau, awaslah engkau(34). Kemudian awaslah engkau, awaslah engkau."(35)

Ungkapan ini merupakan satu istilah ancaman dan amaran pada suatu masa Rasulullah s.a.w. telah memegang leher Abu Jahl, lalu menggoncang-goncangkannya sambil berkata, "Awaslah engkau, awaslah engkau, kemudian awaslah engkau, awaslah engkau", lalu musuh Allah itu membalas, "Hai Muhammad! Adakah engkau mengugut aku? Demi Allah, engkau dan Tuhan engkau tidak dapat berbuat apa-apa kepadaku, akulah manusia yang paling mulia di negeri ini." Akhirnya dia telah dibinasakan Allah dan terbunuh di tangan orang Mu'min di dalam peperangan Badar. Ia telah dibinasakan oleh Tuhan Muhammad Yang Maha Kuat, Maha Gagah dan Maha Agung. Sebelum Abu Jahl, Maharaja Fir'aun pernah berkata:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمَلَأُ مَا عَلِمْتُ لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرِى

"Wahai para pembesar! Aku tidak mengetahui adanya Tuhan yang lain bagi kamu selain dari aku."

(Surah al-Qasas: 38)

يَٰقَوْمِ أَلَيْسَ لِى مُلْكُ مِصْرَ وَهَٰذِهِ ٱلْأَنْهَٰرُ تَجْرِى مِن تَحْتِىٓ

"Wahai kaumku! Tidakkah kerajaan Mesir ini kepunyaanku dan tidakkah sungai ini mengalir di bawah kuasaku?"

(Surah az-Zukhruf: 51)

Orang yang seperti Abu Jahal ini memang ramai di dalam sejarah da'wah. Dia berbangga dengan keluarganya, dengan kekuatannya dan kekuasaannya, dan mengirakannya sebagai sesuatu yang besar, tetapi dia lupa kepada balasan Allah yang dapat membinasakannya lebih hina dari seekor nyamuk atau lalat. Dia telah dibinasakan oleh ajal yang telah ditentukan masanya yang tidak dapat dipercepat dan tidak pula dapat diperlewatkan.

(Pentafsiran ayat-ayat 36 - 40)

Pada akhirnya, Al-Qur'an mencuit hati dengan menjelaskan satu lagi hakikat yang berlaku di dalam realiti hidup mereka, iaitu hakikat yang membuktikan adanya tadbir dan perencanaan Allah mengatur kehidupan manusia, juga menunjukkan adanya kebangkitan selepas mati yang diingkarkan mereka dengan sekeras-kerasnya, iaitu kebangkitan semula yang tiada jalan untuk melarikan diri darinya dan tiada daya untuk menolakkan bukti dan dalilnya.

Manusia Diwujudkan Dengan Perancangan Allah Yang Rapi

Bahagian yang akhir ini yang membuat pernyataan-pernyataan yang mendalam adalah mengandungi beberapa tarikan perhatian yang amat mendalam ke arah hakikat-hakikat yang agung yang tidak pernah terlintas di hati orang-orang Arab yang ditujukan ayat-ayat ini kepada mereka di zaman itu. Tarikan perhatian yang pertama adalah dihalakan kepada hakikat wujudnya perencanaan Allah yang mengatur kehidupan manusia:

أَيَحْسَبُ ٱلْإِنسَٰنُ أَن يُتْرَكَ سُدًى ﴿٣٦﴾

"Adakah manusia fikir bahawa dia akan ditinggalkan sia-sia?"(36)

Pada hemat orang-orang kafir, hidup di dunia merupakan suatu pergerakan yang tidak mempunyai sebarang sebab, sebarang matlamat dan sebarang tujuan. Ia tidak lebih dari suatu proses dilahirkan oleh rahim ibu kemudian ditelan oleh kubur, dan di antara masa kelahiran dan kematian ialah masa kegiatan berhibur dan bemiain-main, berhias dan berbangga-bangga dan memuaskan nafsu dengan keni'matan-keni'matan haiwaniyah. Adapun konsep hidup yang mempunyai undang-undang, peraturan, matlamat, tujuan dan hikmat, adapun konsep kedatangan manusia ke pentas hidup dunia ini mengikut perencanaan-perencanaan Ilahi yang disusun rapi dan berlangsung mengikut satu matlamat yang telah ditentukan dan berakhir dengan hisab dan balasan, adapun konsep pengembaraan manusia di bumi ini sebagai suatu ujian dan cubaan, adapun kefahaman hidup yang halus dan sepadu, iaitu kefahaman yang sedar bahawa di sebalik hidup ini wujudnya Uluhiyah Yang Maha Kuasa, yang mengaturkan pentadbiran yang rapi dan bijaksana, yang menciptakan segala sesuatu dengan ukuran-ukuran yang sempurna dan mengakhirkan segala sesuatu dengan titik penghabisan, maka semuanya ini tidak pernah difikirkan oleh mereka di zaman itu.

Faktor yang membezakan manusia dari haiwan ialah kesedaran mereka terhadap wujudnya pertalian zaman, peristiwa-peristiwa dan matlamat-matlamat, juga kesedaran mereka terhadap adanya matlamat dan tujuan dari kewujudan mereka dan kewujudan seluruh alam sekelilingnya. Semakin subur dan luas kesedaran ini semakin tinggi darjah kemanusiaannya, semakin halus pemahamannya terhadap undang-undang alam dan pertaliannya dengan peristiwa-petistiwa dan benda-benda yang wujud. Oleh kerana itu dia tidak hidup dalam bentuk sedetik demi sedetik, satu peristiwa demi satu petistiwa, malah dia memandang seluruh hidupnya mempunyai pertalian dengan zaman dan tempat, mempunyai perhubungan dengan masa silam, masa kini dan masa mendatang, kemudian seluruhnya mempunyai pertalian dengan kewujudan alam buana dan undang-undangnya dan kemudian seluruhnya pula mempunyai hubungan dengan iradat Allah Tuhan Pencipta yang tidak menjadikan manusia hidup sia-sia dan tidak akan membiarkan mereka hidup percuma.

Inilah kefahaman yang maha agung yang dipindahkan oleh Al-Qur'an kepada manusia sejak zaman berzaman. Kefahaman ini merupakan satu peralihan yang amat besar dibandingkan dengan kefahaman-kefahaman yang lumrah di masa itu, dan masih tetap agung dibandingkan dengan seluruh kefahaman-kefahaman universal yang diketahui oleh ilmu falsafah dahulu dan sekarang.

Cuitan itu ialah:

أَيَحْسَبُ ٱلْإِنسَٰنُ أَن يُتْرَكَ سُدًى ﴿٣٦﴾

"Adakah manusia fikir bahawa dia akan ditinggalkan sia-sia."(36)

Ini adalah salah satu cuitan Al-Qur'an yang membimbing dan mengarah hati manusia supaya sentiasa mengingati pertalian-pertalian, perhubungan-perhubungan, matlamat-matlamat, tujuan-tujuan, faktor-faktor dan sebab-sebab yang mengikatkan kewujudan dirinya dengan kewujudan alam seluruhnya dan dengan iradat Allah yang mentadbirkan semesta alam.

Kemudian secara jelas dan terang tanpa berbelit-belit dan samar-samar, Al-Qur'an membawa bukti-bukti yang nyata dan mudah, yang menunjukkan bahawa manusia itu tidak akan ditinggalkan hidup sia-sia. Bukti-bukti itu ialah asal mula kejadiannya:

أَلَمْ يَكُ نُطْفَةً مِّن مَّنِيٍّ يُمْنَىٰ ﴿٣٧﴾

ثُمَّ كَانَ عَلَقَةً فَخَلَقَ فَسَوَّىٰ ﴿٣٨﴾

فَجَعَلَ مِنْهُ ٱلزَّوْجَيْنِ ٱلذَّكَرَ وَٱلْأُنثَىٰ ﴿٣٩﴾

"Bukankah dahulunya dia hanya setitis nutfah dari air mani yang dipancutkannya?(37). Kemudian nutfah itu menjadi segumpal darah, lalu Allah ciptakan rupa-nya dan menjadikannya makhluk yang sempurna(38). Dan Allah jadikan darinya sepasang lelaki dan perempuan."(39)

Bukti-bukti Perancangan Allah Dalam Penciptaan Manusia

Siapakah manusia itu? Dari bahan apakah dia diciptakan? Bagaimana asal mulanya? Bagaimana titik akhirnya? Dan bagaimana dia mengembara begitu jauh hingga akhirnya sampai ke bumi ini?

Bukankah dulunya manusia hanya berupa setitis nutfah dari air mani yang dipancutkan ke dalam rahim? Bukankah setitis nutfah itu berubah dari satu sel yang kecil kepada segumpal darah yang mempunyai bentuk dan kedudukan yang khusus di dalam rahim di mana ia melekat pada dinding rahim untuk hidup dan mendapat makanan? Siapakah yang memberi ilham kepadanya supaya ia bergerak sedemikian rupa? Siapakah yang memberi kekuatan itu kepadanya? Siapakah yang membimbingnya ke arah itu?

Kemudian siapakah pula yang menjadikannya selepas itu seorang bayi yang sempurna tubuh badannya, yang tersusun dari berjuta-juta sel yang hidup, sedangkan asalnya hanya satu sel bersama sebiji telur perempuan? Perjalanan yang dijalani nutfah dari sel yang tunggal kepada seorang bayi yang sempurna merupakan satu perjalanan yang lebih jauh dari perjalanannya dari masa lahirnya hingga masa matinya. Begitu juga perubahan-perubahan yang dialaminya dalam peringkat perjalanan kebayiannya adalah lebih luas dan lebih banyak dari peristiwa-peristiwa yang ditempuhinya dalam perjalanannya dari masa lahirnya hingga ke masa matinya. Siapakah yang memandu perjalanannya yang amat jauh itu, sedangkan ia ketika itu hanya satu makhluk yang amat kecil dan lemah, tidak mempunyai akal, tidak mempunyai daya tenaga berfikir dan tidak mempunyai pengalaman-pengalaman?

Kemudian pada akhirnya, siapakah pula yang menciptakan lelaki dan perempuan dari sel yang satu itu? Kemahuan atau kehendak siapakah yang menentukan sel ini menjadi bayi lelaki dan sel itu menjadi bayi perempuan? Siapakah yang berani mendakwa bahawa dialah yang ikut campurtangan membuat pilihan itu di dalam alam rahim yang gelap-gelita itu.

Sudah tentu yang dirasa oleh hati ialah tangan qudrat dan tadbir Ilahi yang halus itulah yang telah memandu nutfah yang dipancut ke dalam rahim itu dalam perjalanan-nya yang panjang hingga akhirnya terbentuk menjadi lelaki dan perempuan:

فَجَعَلَ مِنْهُ ٱلزَّوْجَيْنِ ٱلذَّكَرَ وَٱلْأُنثَىٰٓ ٣٩

"Dan Allah jadikan darinya sepasang lelaki dan perempuan."(39)

Di hadapan hakikat yang dipaksakan ke atas hati manusia ini, ayat yang berikut mengemukakan satu pernyataan yang lengkap yang merangkul semua hakikat yang diperkatakan oleh surah ini:

"Tidakkah Tuhan yang sedemikian sifatnya berkuasa untuk menghidupkan kembali manusia yang mati?"(40)

Ya, Maha Suci Allah. Sesungguhnya Allah berkuasa menghidupkan kembali manusia yang mati.

Ya, Maha Suci Allah. Sesungguhnya Allah berkuasa menciptakan semula manusia.

Ya, Maha Suci Allah. Manusia tidak mempunyai pilihan lain melainkan hanya tunduk kepada hakikat yang begitu kuat dan mendesak ini.

Demikianlah surah ini diakhiri dengan pertanyaan yang tegas, kuat dan mendalam, iaitu pertanyaan yang mengisikan hati manusia dengan hakikat kewujudan insan di alam ini dan dengan hakikat perencanaan dan pentadbiran Allah yang wujud di sebalik kewujudan manusia.

* * * * * *